

29 JUN 1999

MAHATHIR-SYARAT

PM MENGENAI AGENSI BANTUAN YANG SYARAT TIDAK MUNASABAH MERENCAT PERTUMBUHAN

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Agensi-agensi pelbagai hala kadangkala mengenakan syarat-syarat tidak munasabah apabila memberikan bantuan kepada negara-negara membangun yang mungkin menjejaskan kesejahteraan sosio-ekonomi ekonomi-ekonomi penerima, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Beliau berkata sesetengah syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi penderma seperti Bank Dunia merencatkan pertumbuhan ekonomi-ekonomi sedang membangun yang lambat laun akan memaksa negara-negara penerima memperuntukkan sebahagian daripada hasil mereka untuk membayar balik hutang.

"Ini akan menghalang sebarang pemulihan ekonomi," katanya semasa dialog dengan 18 wartawan Afrika di pejabat beliau di sini hari ini apabila ditanya bagaimana negara-negara Afrika boleh menangani liberalisasi ekonomi tanpa menjejaskan ekonomi mereka.

Oleh itu, perdana menteri berkata pengurusan ekonomi yang baik adalah penting dalam memastikan kemajuan sosial sambil meneruskan pertumbuhan ekonomi, yang kenapa negara-negara sedang membangun patut menumpukan kepada menarik pelaburan langsung asing.

Bagaimanapun, katanya kestabilan politik adalah ramuan yang penting dalam menggalakkan FDI yang pada permulaannya akan membantu mengujudkan pekerjaan walaupun ia dimiliki rakyat asing sepenuhnya, seperti kes di Malaysia dalam tahun 70-an.

Mengikut masa, negara-negara akan dapat mengumpul kekayaan dan memiliki sebahagian operasi mereka dan juga memperoleh kemahiran dalam proses itu, katanya, sambil menambah bahawa ini akan menyekat kesan buruk terlalu bergantung kepada agensi-agensi bantuan.

Dengan hutang yang meningkat menjadi beban kepada negara-negara Afrika, Dr Mahathir berkata beliau gembira apabila negara-negara maju memutuskan baru-baru ini untuk mengecualikan hutang-hutang tertentu negara-negara paling miskin, tetapi menambah bahawa mereka seharusnya melakukannya lebih awal lagi.

Berpaling kepada pengalaman Malaysia dalam memperbaiki kesejahteraan sosio-ekonomi rakyatnya, katanya tumpuan utama pada awal Dasar Ekonomi baru bertujuan membanteras kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan pemahagian kekayaan yang lebih samarata.

Sebagai contoh, katanya rakyat pribumi walaupun merupakan 60 peratus daripada penduduk hanya memegang dua peratus ekuiti, yang kenapa dasar itu menyatakan bahawa saham mereka di dalam ekonomi patut ditingkatkan kepada 30 peratus.

"Malahan dasar ini telah dilonggarkan sungguhpun bahagian bumiputera di dalam ekonomi kini pada 20 peratus dan kami masih mencuba mencapai 30 peratus.

"Lebih dari itu, mereka terpaksa bersaing jadi tidak ada sebab menghentikan dasar ini kerana masih terdapat banyak bumiputera yang memerlukan bantuan daripada kerajaan," katanya.

Beliau juga bersungut mengenai hakikat bahawa bagaimana kumpulan-kumpulan, walaupun telah mencapai cadangan yang baik, tidak berusaha melaksanakannya.

Menyebut Apec sebagai contoh, katanya walaupun terdapat kuasa ekonominya yang kuat, lebih suka memindahkan tanggung jawab menangani spekulator matawang kepada Kumpulan 22 negara-negara membangun di Sidang

Kemuncak Apec di sini Nov lalu.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia hanya akan membatalkan kawalan modal  
berpilih-pilihnya selepas terdapat pembaharuan kepada arkitektur kewangan  
antarabangsa. -- BERNAMA

MR SHY OS